

SITI SURIANI Othman

Universiti Sains Islam Malaysia

LIANA Mat Nayan

Universiti Tunku Abdul Rahman

KEWARTAWANAN RAKYAT DAN PERANANNYA DALAM PEMAHAMAN DEMOKRASI DI MALAYSIA DAN AFRIKA: SATU PERBANDINGAN

CITIZEN JOURNALISM'S ROLE IN UNDERSTANDING DEMOCRACY IN MALAYSIA AND AFRICA: A COMPARISON

Kertas ini amnya membincangkan tentang isu berkaitan diaspora dan bidang media, dan khususnya tentang bagaimana masyarakat dalam diaspora menggunakan kemudahan kewartawanan rakyat (citizen journalism) dan berbincang tentang demokrasi negara asal. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa dalam sesetengah keadaan, kewartawanan rakyat diberi perhatian lebih berbanding kewartawanan arus perdana dan tradisional. Perbincangan artikel ini mengkhusus kepada diaspora Afrika memandangkan diaspora Afrika telah menghasilkan paling banyak kewartawanan rakyat yang berpengaruh dan memberi kesan kepada negara asalnya. Terkini, Malaysia telah turut dianggap sebagai salah satu negara di dunia paling aktif dalam kewartawanan rakyat. Statistik mencadangkan bahawa dari segi keaktifan kewartawanan rakyat, Malaysia telah mengalahkan Afrika dan uniknya ialah, kewartawanan rakyat di Malaysia lebih menjurus kepada kewartawanan rakyat di kalangan masyarakatnya di dalam negara dan bukannya masyarakat dalam diaspora. Daripada perbincangan dan pengalaman ini, banyak perkara yang dikenalpasti boleh dijadikan pengajaran dalam memperkembangkan lagi pembangunan kewartawanan rakyat di Malaysia ke arah yang lebih positif dan bermanfaat kepada rakyat dan negara.

Kata kunci: *kewartawanan rakyat, diaspora, media, Afrika, Malaysia*

This paper discusses diaspora and the media, in particular how a diasporic society uses citizen journalism when discussing the practice of democracy in their native country. Recent studies have revealed the significance of citizen journalism compared to mainstream and traditional media and this paper aims to consider the phenomenon by comparing African diasporic citizen journalism with that of Malaysia. Both countries have high levels of active citizen journalism

which has been found to be influential. However, current statistics suggest that Malaysia has overtaken Africa in numbers of citizen journalists and output and uniquely, tends to be practiced by resident Malaysians. This paper suggests that a more in-depth study of the practice in Malaysia could lead to the development of a positive citizen journalism culture.

Keywords: *citizen journalism, diaspora, media, Afrika, Malaysia*

Pengenalan

Diaspora berasal dari perkataan Greek yang bermaksud ‘berasingan’ atau ‘berjauhan’. Dalam konteks perbincangan diaspora masa kini, ia bermaksud migrasi individu atau masyarakat dari negara asal dan berpindah ke lokasi lain (Ember, Ember dan Skoggard, 2004). Sarjana-sarjana Eropah seperti Rogers Brubaker (2005), secara amnya, mengaitkan konsep asal diaspora dengan diaspora masyarakat Yahudi, dan mendapati konsep ini berkembang meliputi diaspora masyarakat Armenia dan Greek. Hari ini, kajian diaspora turut meliputi masyarakat diaspora Albania, India Hindu, Ireland, Kashmir, Kurds, Palestin dan Tamil. Malah, ada yang melihat diaspora boleh dikaji dengan konsep *imagined communities* yang dipopularkan oleh Benedict Anderson (2006) yang mengaitkan hubungan seseorang dengan seseorang yang lain secara imaginasi. Namun begitu, didapati bahawa sehingga kini, Afrika adalah antara negara paling banyak diaspora di seluruh dunia.

Dalam mengkaji isu berkaitan diaspora, penyelidikan dan perbincangan boleh dibuat dengan mengkaji kaitan antara budaya asal dengan negara asal. Dalam konteks perbincangan ini, artikel ini mengkhusus kepada perbincangan diaspora Afrika dan penghasilan kewartawanan rakyat serta kesannya kepada negara asal dalam pelbagai konteks seperti politik dan sosial. Kewartawanan rakyat secara umumnya boleh didefinisikan menurut Joyce Nip (2006), iaitu kewartawanan rakyat boleh dilihat sebagai merangkumi (1) *public journalism*, (2) *interactive journalism*, (3) *participatory journalism* and (4) *citizen journalism*. Kewartawanan rakyat dijelaskan sebagai membenarkan isi kandungan produk media dilaksanakan oleh khalayaknya sendiri, walaupun mereka tiada latihan dalam bidang kewartawanan, seterusnya meningkatkan interaksi antara media dan khalayaknya (Lewis, Kahfhold dan Lasorsa, 2010). Terma kewartawanan rakyat juga sering dikaitkan dengan media alternatif dan nama-nama lain yang dilabelkan tetapi sebenarnya membawa maksud serupa, iaitu “*citizen’s media, community media, democratic media, emancipatory media, radical media* dan *social movement media*” (Atton dan Hamilton, 2008).

Di peringkat antarabangsa, rangkaian *Indymedia* (www.indymedia.org) yang mula bertapak di Amerika pada tahun 1999 adalah contoh laman web

berita yang bersifat aktivis merangkumi terbitan berita dalam bentuk cetak, TV satelit, video dan radio yang semuanya adalah hasil daripada sumbangan khalayaknya dan sehingga kini, terdapat lebih 150 pusat media bebas ini di lebih 30 buah negara. Manakala, contoh perkembangan kewartawanan rakyat adalah seperti yang berlaku di Amerika, di mana blogger dikaitkan dengan kejatuhan politik bekas Senate Republican Leader Trent Lott selepas beliau membuat kenyataan yang menyokong pembahagian masyarakat mengikut kaum pada 2002 dan menyebabkan beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai seorang senator pada tahun itu.¹

Selain itu, contoh yang boleh dilihat berlaku di Asia ialah *OhMyNews* (<http://english.ohmynews.com/>) yang mula beroperasi di Korea pada tahun 2000. Slogan laman web berita ini ialah “*every citizen is a reporter*”, yang bermaksud semua orang adalah wartawan, dimana didapati bahawa hanya 20 peratus daripada berita yang diterbitkan secara atas talian atau *online* ditulis oleh wartawan mereka, selebihnya adalah daripada lebih 50,000 rakyat Korea Selatan yang menghantar berita ke laman tersebut.

Di Malaysia sendiri, antara contoh laman web berita berbentuk kewartawanan rakyat ialah *malaysiakini.com* (www.malaysiakini.com) yang telah diterbitkan pada 1999 oleh Steven Gan dan Premesh Chandran. Penerbitan *Malaysiakini* dilihat oleh pengasas-pengasasnya sebagai usaha untuk menggunakan internet yang lebih bebas untuk mengkritik isu-isu berkaitan polisi serta menunjukkan sokongan kepada kebebasan bersuara di Malaysia (George, 2006).

Secara amnya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa dalam sesetengah keadaan, kewartawanan rakyat diberi perhatian lebih berbanding kewartawanan arus perdana dan tradisional terutama dalam kes-kes seperti bencana alam, yang seterusnya memberikan isyarat berkenaan kedudukan dan kepentingan kewartawanan rakyat pada hari ini (Robinson, 2009). Namun, kekuatan dan sekaligus juga adalah kelemahan kewartawanan rakyat ialah ia membolehkan sesiapa sahaja menulis dan menerbitkan berita terutama dalam bentuk *online*. Kemudahan ini digunakan oleh masyarakat diaspora untuk meluahkan perasaan samada untuk menghubungkan diri mereka dengan negara asal atau untuk komunikasi politik (Bernal, 2006) seperti mengkritik kekurangan dan kelemahan sistem negara asal. Sumber-sumber seperti blog dan laman media sosial ini turut digunakan oleh jurnalis sebagai sumber berita mereka. Contoh ketara kemunculan kewartawanan rakyat yang kritikal kepada negara asal adalah di kalangan diaspora Afrika, yang jelas dipengaruhi oleh keadaan negara asal yang korup dan miskin.

Justeru, untuk membincangkan persoalan berkaitan kewartawanan rakyat dengan lebih sistematik, perbincangan ini mengkhusus kepada diaspora Afrika kerana ia telah menunjukkan impak paling kuat terhadap perkembangan kewartawanan rakyat berbanding diaspora lain di dunia ini. Manakala, negara yang dipilih untuk membincangkan diaspora Afrika dengan lebih khusus ialah

Nigeria kerana di situlah kewartawanan rakyat oleh diaspora yang berpengaruh iaitu *SaharaReporters* dilaksanakan. Manakala dua negara lagi iaitu Eritrea dan Somalia di Timur Benua Afrika telah dipilih secara rawak untuk menambahjelas perbincangan tentang kewartawanan rakyat di Afrika yang melibatkan golongan dalam diaspora. Dengan merujuk kepada pengalaman-pengalaman ini, artikel ini diakhiri dengan saranan untuk mengoptimumkan kesan positif kewartawanan rakyat oleh masyarakat dalam diaspora khususnya dalam konteks Malaysia.

Afrika

Afrika adalah sebuah benua yang kaya dengan sumber asli, namun banyak negara di benua ini juga dikategorikan paling miskin dan mundur di dunia. Antara faktor pengkategorian ini termasuklah penyebaran HIV secara meluas, penyakit malaria, kerajaan yang korup, pencabulan hak-hak kemanusiaan dan tahap buta huruf yang tinggi. Umumnya, masyarakat Afrika tinggal dalam kemiskinan, tidak boleh membaca, kurang nutrisi, kurang sumber air bersih dan mempunyai taraf kesihatan yang teruk.

Dari segi politik pula, antara kritikan hebat pemerhati luar terhadap Afrika ialah ketidakupayaan rakyatnya untuk menikmati keadilan yang saksama dan krisis kehakiman (Buri, 2011). Kritikan berkisar kepada rakyat Afrika yang tidak mendapat apa yang sepatutnya diperolehi dari segi pembahagian kekayaan negara (tetapi dimonopoli ahli politik yang kaya raya), dan badan kehakiman yang korup serta menurut telunjuk kerajaan menjadi faktor penolak rakyatnya sehingga menjadi diaspora di negara asing.

Media Tradisional di Afrika dan Kewartawanan Rakyat Diaspora Afrika

Kuasa politik yang dimonopoli ahli politik tertentu dalam satu-satu masa bukan hanya memperkudakan sistem politik, tetapi juga sistem media negara ini. Penghasilan produk media di Afrika sangat bergantung kepada ‘keizinan’ dari pihak kerajaan, dimana jika media khususnya media tradisional, tidak menurut kehendak kerajaan, maka ia boleh ditutup bila-bila masa. Tambahan lagi, produk media seperti berita juga dikuasai oleh mereka yang mempunyai hubungan erat dengan pihak kerajaan. Keadaan ini menyebabkan rakyat Afrika merasakan peluang untuk mereka menyatakan perasaan serta terlibat dalam politik secara telus disekat secara terang-terangan.

Amnya, media di Afrika boleh dikategorikan sebagai dikuasai oleh kerajaan. Pendekatan tertutup ini kemudiannya melahirkan satu bentuk kewartawanan berbentuk ‘gerila’, iaitu satu bentuk kewartawanan yang radikal menentang kerajaan dan membongkar rahsia korupsi kerajaan yang mengeksplorasi media alternatif terutama berbentuk *online*, yang dilaksanakan oleh orang biasa yang ternyata bukan jurnalis profesional. Ini juga adalah satu

bentuk kewartawanan dimana rakyat secara aktif mula menghasilkan berita disebabkan tidak lagi mempercayai media tradisional yang mengikut telunjuk kerajaan.

Tambahan pula, disebabkan oleh pelbagai sekatan kerajaan yang jelas diperlihatkan melalui undang-undang media, kewartawanan rakyat berbentuk *online* lebih berjaya dioperasi oleh diaspora Afrika kerana mereka mempunyai kemudahan teknikal walaupun ia adalah kemudahan multimedia yang terhad di Afrika, serta memperolehi bantuan kewangan yang mudah diperolehi daripada negara-negara Barat dan diaspora Afrika di luar negara. Situasi-situasi sebeginilah yang menjadikan kewartawanan rakyat diaspora Afrika sebagai satu platform terpenting buat rakyat Afrika dalam usaha mengejar demokrasi di negara itu.

Diaspora Afrika

African Union (AU) Commission mendefinisikan diaspora Afrika sebagai ‘orang Afrika yang berasal dari Afrika tetapi menetap di luar benua Afrika, tidak kira sama ada mereka berwarganegara Afrika (atau tidak), tetapi sanggup membantu Afrika untuk membangunkan negara tersebut’. Anggaran diaspora Afrika ialah 39.16 juta di Amerika Utara, 112.65 di Amerika Latin, 13.56 di Caribbean dan 3.51 di Eropah (Ulbricht, n.d.). Statistik ini menunjukkan betapa besarnya bilangan diaspora Afrika di seluruh dunia. Perbincangan diaspora Afrika dalam kertas ini dibuat dengan memberi gambaran tentang kewartawanan rakyat di Nigeria, Somalia dan Eritrea untuk memberi contoh apa dan bagaimana bentuk kewartawanan ini dilaksanakan serta impaknya, yang tidak boleh dipisahkan dengan peranan diaspora Afrika.

Nigeria

Di Nigeria, Kperogi (2011) telah melihat keupayaan kewartawanan rakyat yang amat kuat dalam masyarakat diaspora Nigeria. Antara kesan ketara ialah keberanian mengkritik kelemahan sistem negara tersebut yang dikatakan sebagai korup dan tidak mementingkan rakyat sehingga begitu ramai rakyat hidup dalam kemiskinan melampau. Hal ini berlaku dengan jelas kerana jurnalis seperti editor di media tradisional Nigeria berkomplot dengan kerajaan dengan memberi khidmat nasihat kepada mereka untuk mendapatkan ganjaran kewangan dan keselamatan operasi syarikat.

Perkembangan inilah yang dikutuk melalui kewartawanan rakyat oleh masyarakat Nigeria dalam diaspora yang menulis secara *online* seperti *SaharaReporters*. *SaharaReporters* adalah agensi berita yang menfokus kepada bentuk kewartawanan rakyat yang menggalakkan orang biasa menghantar berita berbentuk rasuah dan pencabulan hak asasi manusia serta salah guna kuasa di kalangan ahli politik di Nigeria. Ia ditubuhkan oleh Sowore Omoyele,

aktivis Nigeria yang menetap di New York dan tidak mempunyai latihan dalam bidang kewartawanan (Kperogi 2011).

SaharaReporters menerima bantuan kewangan daripada diaspora Nigeria di luar negara serta negara-negara Barat. Bentuk kewartawanan rakyat yang terbina kini adalah jauh lebih kritikal berbanding kewartawanan tradisional, malah berupaya membongkar rasuah bukan sahaja dikalangan ahli politik bahkan juga dikalangan pengamal media sendiri. Misalnya, pada awal tahun 2009, *SaharaReporters* telah membongkar kegiatan salah seorang daripada menteri di Nigeria, Aliyu Moddibo, yang telah merasuh editor tertinggi akhbar Nigeria dengan tawaran tanah yang luas. Laporan salahlaku ini turut memuatkan dokumen asli tentang rasuah tanah tersebut.

Justeru, secara umumnya masyarakat Nigeria telah turut melihat keupayaan bentuk kewartawanan baru ini sebagai menjelaskan kredibiliti media tradisional yang tidak berupaya bertindak sedemikian. Khalayak tidak lagi yakin dengan berita yang disampaikan oleh media tradisional, malahan kemerosotan kredibiliti ini juga sememangnya telah mula berlaku sebelum media diaspora menjadi popular di Nigeria lagi (Kperogi 2011).

Kperogi juga menjelaskan beberapa contoh bagaimana aktivis-aktivis diaspora ini ditangkap oleh kerajaan ketika mereka sedang dalam perjalanan untuk balik ke Nigeria untuk urusan perniagaan². Hal ini boleh dikaitkan dengan rasa tidak selamat di pihak kerajaan yang melihat beberapa usaha kewartawanan rakyat dikalangan diaspora menjadi kuat dan telah mengubah beberapa polisi kerajaan. Contohnya, ialah dalam satu kes yang kontroversi di Nigeria iaitu 30 orang gabenor telah dihantar ke Harvard University untuk tujuan kursus ‘pembentukan kapasiti’. ‘Kursus’ ini dilihat ramai warga Nigeria sebagai satu bentuk pembaziran yang dikatakan secara rasmi sebagai ‘kursus’ sedangkan ia adalah usaha untuk melaburkankekayaan gabenor-gabenor ini di Amerika. Sam Amadi, seorang peguam hak asasi manusia yang juga alumni Harvard University adalah antara yang awal mengeluarkan kenyataan berkaitan kerisauan masyarakat Nigeria ini. Sebagai tindakbalas dari kenyataan ini, pemimpin-pemimpin yang terlibat telah menggunakan editor-editor dan akhbar-akhbar dalam genggaman mereka untuk menyatakan sokongan sesetengah warga Nigeria di Amerika, serta penjelasan lanjut tentang keperluan kursus tersebut.

Akhirnya, Majek Adega warga Nigeria yang menetap di Kanada telah menganjurkan apa yang beliau panggil sebagai “penyiasatan rakyat” iaitu dengan menghantar memorandum kesefahaman yang ditandatangani oleh Harvard University dalam Forum Governor Nigeria. Penyiasatan ini hanya mengandungi email ringkas yang memerlukan verifikasi daripada pihak berkuasa Harvard University tentang isi kandungan dan status memorandum tersebut. Email pertama yang dihantar Adega bertujuan mendapatkan penjelasan tentang bentuk dan arah tuju perjanjian tersebut. Namun, Harvard University menafikan wujudnya perjanjian sebagaimana yang dijelaskan

Adega dan memohon supaya Adega berhubung dengan pengarah Kennedy School of Government iaitu Robert Rotberg. Rotberg membalias email Adega tidak sampai sejam kemudian dan menyatakan dengan jelas bahawa belum ada sebarang bentuk perjanjian yang dimeterai dan “tidak akan berlaku perjanjian seumpama itu”³(Krepogi 2011).

Majek Adega adalah contoh bagaimana seseorang rakyat biasa yang tidak dilatih sebagai wartawan boleh mengubah polisi kerajaan dan isu ini menjadi isu hangat dikalangan akhbar arus perdana selepas ia dibongkar. Sesuatu yang menarik di sini ialah Adega adalah warga Nigeria diaspora yang bukan jurnalis terlatih tetapi telah terfikir untuk mempersoalkan program ini, sedangkan para jurnalis sendiri berdiam diri samada mereka tidak terfikir atau tidak berani untuk mempersoalkannya. Apa yang dilaporkan akhbar tempatan ketika itu hanyalah menyediakan platform hujah menerima dan menolak program berkenaan tetapi tidak berbuat apa-apa untuk mengubah polisi tersebut.

Somalia

Di Somalia pula, antara usaha kewartawanan rakyat terbaru dikenali sebagai *Somalia Speaks* (Ulbricht, 2012). Ia merupakan usahasama antara Souktel, satu organisasi yang beroperasi di Palestin yang menyediakan kemudahan SMS, Al Jazeera dan Institut Diaspora Afrika. Tujuan *Somalia Speaks* ialah untuk menyediakan platform bagi rakyat biasa Somalia berkongsi perasaan dan mengutarakan pandangan tentang krisis yang melibatkan mereka, serta diaspora Somalia di seluruh dunia. Rakyat Somalia tidak kira di mana mereka berada boleh menghantar apa-apa berita menerusi SMS.

Kewujudan *Somalia Speaks* dilihat sebagai usaha penting kerana media arus perdana di Somalia tidak menitikberatkan isu-isu yang dilihat penting oleh masyarakatnya sendiri, serta diaspora Somalia. Berita tentang Somalia, selalunya hanya berkaitan kemiskinan di negara tersebut. Justeru, *Somalia Speaks* dilihat sebagai memartabatkan kewartawanan rakyat ke satu peringkat yang lebih tinggi kerana selain memberi layanan lebih baik kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku di Somalia, ia juga memberi alternatif kepada kepelbagaiannya sumber berita dan pencarian maklumat untuk tujuan menulis berita.

Bagi diaspora Somalia yang ingin berkongsi berita, *Somalia Speaks* boleh dihubungi melalui talian antarabangsa di nombor +45609910303 dan mereka boleh menghantar komen secara *online* di satu seksyen yang dinamakan *Diaspora Voices*. Mereka turut boleh memuateturun video, gambar dan teks. Ini juga adalah contoh kemunculan satu lagi bentuk kewartawanan rakyat yang dilihat membuka lebih ruang kepada bukan hanya warga Afrika yang menetap di benua itu, tetapi juga diaspora Afrika di seluruh dunia dengan penggunaan teknologi mudah dan ringkas iaitu telefon bimbit.

Eritrea

Rakyat Eritrea dalam diaspora menggunakan kemudahan internet untuk membentuk *public sphere* di mana mereka menghasilkan naratif tentang sejarah, budaya, demokrasi dan identiti mereka untuk tatapan khalayak *online* sama ada yang menetap di negara asal atau mereka yang turut dalam diaspora. Melalui web, mereka telah menggerakkan penunjuk perasaan, mengumpul dana untuk perang, mendebatkan formula untuk perlombagaan negara dan mempengaruhi kerajaan Eritrea (Bernal, 2007).

Bernal juga melihat kesan-kesan ini adalah impak daripada pengalaman diaspora itu sendiri di luar negara. Ini kerana, kerajaan Eritrea secara umumnya menyekat kebebasan bersuara rakyatnya dan hanya melalui diaspora, masyarakat mula mendapat peluang mengkritik kelemahan negara itu. Selain itu, dengan menetap di luar negara, rakyat Eritrea dalam diaspora seperti di Amerika Utara dan Eropah juga dapat melibatkan diri dalam politik berbentuk alternatif yang berlandaskan demokrasi Barat.

Diaspora Afrika dan Demokrasi

Amnya, diaspora Afrika dipandang negatif oleh negara asal namun dewasa ini keadaan berubah setelah mereka melihat potensi besar yang boleh dimainkan oleh diaspora untuk membentuk demokrasi di Afrika. Namun, pengkaji-pengkaji mendapati bahawa bentuk demokrasi yang diharapkan di Afrika tidak boleh disamakan dengan demokrasi Barat (Bradley, 2011). Antara aspek yang membezakan demokrasi di Afrika termasuklah perbezaan antara konsep individualisme dan kolektiviti di kalangan masyarakat Afrika dan masyarakat Barat. Di Afrika, masyarakatnya lebih cenderung mengamalkan budaya yang mementingkan kerjasama dan bukan berbentuk individualistik sebagaimana di Barat. Justeru, bentuk demokrasi di Afrika tidak boleh mengambil contoh di Barat seratus peratus.

Perbezaan lain ialah tentang konsep kekayaan dan pendidikan. Di barat, teori demokrasi moden membayangkan bahawa semakin kaya dan berpendidikan tinggi sesebuah masyarakat itu, maka semakin tegarlah demokrasi yang diamalkan. Ini kerana, masyarakat yang berpendidikan tinggi dan makmur dilihat berupaya untuk mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat secara intelektual (Bradley, 2011).

Namun, Ake (1996) berpendapat bahawa keadaan tersendiri di Afrika tidak memungkinkan teori demokrasi barat boleh diaplikasikan dengan jayanya tanpa halangan. Pada pandangan Ake, halangan paling besar ialah keadaan politik Afrika yang berbeza dengan negara Barat yang berbentuk *absolutism* iaitu hanya mengikut apa yang dikatakan oleh kerajaan dan *arbitrariness* iaitu ketidakjelasan terhadap polisi dan sentiasa berubah-ubah, kesan daripada selepas penjajahan barat di Afrika. Selain itu faktor lain ialah teori demokrasi

barat tidak mengambil kira budaya dan sejarah Afrika yang pastinya tidak sama dengan suasana di Barat.

Maka, boleh dikatakan bahawa ‘demokrasi’ yang dicari di Afrika masih tidak jelas. Ini disokong oleh kajian Lewis dan Bratton (2000) yang mendapati daripada tinjauan yang dibuat terhadap 3,603 warga Nigeria, 94 peratus daripada mereka mengaku mereka tidak begitu faham dengan konsep demokrasi. 81 peratus lagi pula menyatakan mereka merasakan demokrasi yang dicari adalah satu bentuk alternatif kepada sistem politik sedia ada. Namun yang jelas, 90 peratus menolak sistem politik yang tidak demokratik. dan ironiknya, 84% daripada warga Nigeria dalam kajian ini puas hati dengan demokrasi yang sedia ada di negara itu.

Hasil kajian ini mengisyaratkan bahawa rakyat Afrika sendiri masih kurang jelas tentang apa itu demokrasi, serta apa bentuk demokrasi yang mereka harapkan pada masa hadapan. Penulis merasakan hal ini mungkin juga disebabkan oleh tahap pendidikan mereka yang kebanyakannya masih rendah, dan masalah-masalah asas sosial seperti kebuluran yang dilihat sebagai lebih perlu diberi keutamaan berbanding memikirkan soal ‘negara’. Justeru, mungkin juga yang penting bagi mereka sekarang ialah pembinaan ekonomi negara, sungguhpun ia sukar dicapai andainya tidak disokong oleh kestabilan politik.

Maka, tidak hairanlah mengapa diaspora Afrika hari ini tidak lagi dilihat secara negatif oleh kerajaan Afrika, malah mereka dilihat sebagai aset yang boleh menyumbang ke dalam pembangunan negara tersebut. Mohamoud (2009) contohnya, telah membincangkan potensi pembangunan Afrika dengan merakamkan kepentingan diaspora Afrika yang disifatkan sebagai sumber manusia dan sumber kewangan pembangunan negara.

Kelebihan diaspora juga merangkumi beberapa aspek lain. Pertama, mereka faham konteks negara asal berbanding pakar yang diambil khusus untuk membangunkan Afrika dan ini sudah tentu dapat merapatkan jurang antara warga Afrika tempatan dengan polisi pembangunan yang bakal dibina. Namun, dalam masa yang sama, Mohamoud (2009) juga sedar bahawa wujud keterbatasan terhadap sejauh mana diaspora Afrika telah dan boleh membantu dalam pembangunan negara itu, termasuk dalam memperjuangkan demokrasi yang selalunya terhad kepada membantu meningkatkan rangkaian masyarakat sivil dan mempromosi pembangunan yang berteraskan komuniti serta menggalakkan penglibatan politik dari akar umbi.

Diaspora dan amalan kewartawanan rakyat di Malaysia: Pengajaran dari diaspora Afrika

Artikel ini telah membincangkan diaspora Afrika dan mengambil pelajaran daripada kebangkitan kewartawanan rakyat di benua itu. Di Malaysia pula, dari segi sejarahnya, diaspora banyak dikaitkan dengan masyarakat bukan

berasal dari Tanah Melayu seperti Cina dan India. Namun, sehingga hari ini, tidak dapat dipastikan berapa jumlah sebenar masyarakat diaspora Malaysia di luar negara. Sesetengah laporan mendapati kira-kira 200,000 orang rakyat Malaysia kini menetap di Amerika, 50,000 di Kanada, 95,000 di Australia dan 300,000 di United Kingdom. Secara keseluruhannya, jumlah rakyat Malaysia dalam diaspora boleh dianggarkan mencecah angka sejuta orang (Ignatius, 2009).

Bersangkutan dengan diaspora dan isu identiti etnik tempatan di Malaysia, Umi Khattab (2010) mengkritik bangsa Melayu yang dikatakan membentuk identiti mereka dengan melihat masyarakat diaspora di negara ini sebagai ‘other’ atau ‘orang lain’ yang juga adalah disebabkan oleh *ontological insecurity* dan *de-traditionalisation* sebagaimana diterangkan oleh Anthony Giddens (1990), serta pembentukan identiti Melayu yang bersifat hegemonik. Secara amnya, ini membawa maksud kepada keadaan yang membenarkan kewujudan kendiri dan menidakkann bangsa lain sebagai warga tempatan.

Dari segi representasi media terhadap golongan diaspora di Malaysia pula, drama-drama dan filem-filem juga dilihat tidak begitu mengintegrasikan keadaan negara yang pelbagai bangsa. Program televisyen (TV), radio dan akhbar lebih menjurus kepada laporan etnik tertentu (Umi Khattab 2010), tidak jauh berbeza dengan perkembangan awal akhbar di Malaysia yang berkembang berlandaskan kaum (Syed Arabi dan Latiffah, 1988). Stesen-stesen TV swasta seperti TV3, NTV7 dan Channel 9 didapati lebih mengutamakan penonton berbangsa Cina (Umi Khattab 2010).

Sebagai respon kepada pandangan ini, penulis berpendapat bahawa isu siapa warga tempatan dan siapa diaspora tidak perlu lagi wujud di Malaysia. Apa yang paling penting ialah perlunya kesefahaman antara sesama etnik di negara ini kerana kajian mendapati bahawa toleransi etnik antara pelbagai etnik di Malaysia dan pengaruh berita terhadap hubungan sesama publik dalam media arus perdana berada di tahap ‘superficial’, iaitu harmoni dan perpaduan di antara generasi muda di Malaysia berada di tahap rendah, dan seterusnya menyebabkan tekanan dalam masyarakat (Ezhar, Wendy, Fazilah dan Azimi, 2008).

Oleh kerana itu, media di Malaysia yang berorientasikan etnik perlu membuat perubahan kerana media seharusnya memupuk integrasi dan bukan menggalakkan jurang antara rakyat. Andai integrasi atau 1Malaysia ingin dicapai, media perlu memainkan peranan lebih kuat dalam menyampaikan mesej yang tidak hanya terhad kepada etnik tertentu sahaja. Ini kerana, tindakan memfokuskan kepada etnik tertentu sahaja akan menyebabkan lebih banyak ruang tercipta bagi setiap etnik untuk menjauhi diri antara satu sama lain kerana tiada perasaan hubungan sesama sendiri atau dipanggil *imagined communities* oleh Benedict Anderson (2006). Semangat nasionalisme mungkin tidak akan tercapai andai setiap etnik merasakan mereka lebih hebat dari etnik yang lain.

Dalam membincangkan hal berhubung dengan media, media Malaysia sememangnya dikritik hebat kerana dikaitkan dengan kerajaan dari segi pemilikan (Kenyon and Marjoribanks 2007, Wang 1998, Zaharom 2004) dan limitasi melalui undang-undang media (Crouch, 1996; Herbert, 2001; Hilley, 2001; Lent, 1975; Means, 1996; Mohd Azizuddin, 2009; Shome, 2002; Wang, 1998; Zaharom, 2002) sehingga menyebabkan ia terus menjadi bahan perbincangan yang semakin berkembang menerusi kewartawanan rakyat. Sistem media di negara ini yang dikatakan sebagai tidak menggambarkan keadaan sebenar masyarakat tetapi hanya melapor ‘berita baik’ dan kejayaan negara turut dikatakan menidakkannya kebebasan bersuara dikalangan rakyat dari segi keterbukaan ruang untuk perbincangan politik. Ini adalah satu persamaan yang boleh dilihat tentang sistem media Afrika dan Malaysia, iaitu hubungan simbiosis antara media dan kerajaan jika dilihat secara umum. Soal kredibiliti media arus perdana yang menjadi pertikaian dan perdebatan di Afrika juga, sedikit sebanyak mempunyai persamaan di Malaysia sebagaimana dinyatakan Mustafa (2005) dan Wang (1998) bahawa kredibiliti media arus perdana di Malaysia adalah semakin hari semakin merosot.

Lalu, ramai yang menggunakan kemudahan menulis dan menerbit melalui kewartawanan rakyat untuk meluahkan pendapat dan perasaan mereka yang sebelum ini dikawal kerajaan melalui pemilikan media arus perdana (Flew 2007). Malahan, Malaysia kini turut dianggap sebagai salah satu negara di dunia yang paling aktif dalam kewartawanan rakyat selepas Indonesia. Statistik ini mencadangkan bahawa dari segi keaktifan kewartawanan rakyat, Malaysia mengalahkan Afrika. Afrika, sebagaimana yang telah dibincangkan, lebih menjurus kepada kewartawanan rakyat di kalangan masyarakatnya yang dalam diaspora, bukan yang menetap di dalam negara.

Justeru, populariti kewartawanan rakyat di Malaysia memungkinkan pelbagai bentuk kewartawanan rakyat yang boleh dikesan di Malaysia, terutamanya selepas kemunculan internet. Oleh itu, tidak dinafikan banyak bentuk kewartawanan rakyat hari ini yang diterbitkan kepada umum dalam bentuk *online* seperti *MalaysiaKini*, *Malaysia Today* dan lain-lain. Kesemua contoh ini boleh dikategorikan sebagai bentuk kewartawanan rakyat, tetapi dalam konteks Malaysia, ia boleh juga dikategorikan sebagai media alternatif kerana contoh-contoh ini cenderung melaporkan berita yang tidak dilaporkan oleh media arus perdana. Satu persamaan antara Malaysia dan Afrika ialah kedua-dua bentuk kewartawanan rakyatnya menjurus kepada perbincangan tentang limitasi penglibatan politik di kalangan rakyat yang menjadi faktor keaktifan kewartawanan rakyat di Malaysia (George, 2006). Mungkin ini juga adalah satu lagi persamaan secara umum antara *SaharaReporters* dan *MalaysiaKini*.

Sepertimana yang ditekankan oleh Banda (2010), dalam memahami nilai demokrasi yang wujud menerusi kewartawanan rakyat, aspek-aspek berikut perlulah dititikberatkan iaitu:

- 1) Pemilikan saluran komunikasi
- 2) Penglibatan komuniti
- 3) Kuasa untuk memastikan pegawai-pegawai kerajaan lebih telus dan bertanggungjawab
- 4) Capaian dan kebolehcapaian, contohnya perempuan mempunyai capaian internet yang lebih rendah berbanding lelaki.
- 5) Perundingan atau debat yang seimbang di kalangan rakyat
- 6) Pembuatan keputusan atau pelaksanaan oleh rakyat, contohnya mengundi yang terhasil akibat dari perdebatan.
- 7) Interaktiviti

Walau bagaimanapun, kedua-dua negara memperlihatkan ketidaksudian kerajaan dalam mengalu-alukan kritikan melalui saluran kewartawanan rakyat ini. Ada penggerak kewartawanan rakyat yang ditangkap di kedua-dua negara ini (Allan, 2009). Yang membezakan ialah di Afrika, kewartawanan rakyat di kalangan golongan diaspora mampu memberi impak kepada polisi kerajaan, dan hal itu masih belum jelas berlaku di Malaysia. Namun, perkembangan ini mula dilihat sebagai penting di kalangan jurnalis di Malaysia, dan mula menyedari kesan kewartawanan rakyat walaupun pada mulanya dianggap tidak akan menggugat kuasa mana-mana pihak.

Selain itu, yang membezakan kewartawanan rakyat antara Malaysia dan Afrika ialah di Malaysia, kewartawanan rakyatnya diaktifkan oleh rakyat tempatan yang menetap di Malaysia. Ini kerana tiada masalah kekurangan tenaga pakar dan kemudahan teknologi yang dihadapi di Malaysia, berbanding di Afrika. Justeru itulah, pergerakan kewartawanan rakyat di Afrika diketengahkan oleh golongan dalam diaspora yang menetap di Amerika atau Eropah,dalam memberikan sokongan material dan teknikal. Situasi ini memberi satu ruang untuk disarankan agar ruang tertentu disediakan bagi golongan diaspora Malaysia di luar negara untuk menyuarakan pendapat melalui pelbagai kaedah teknologi canggih sebagaimana yang wujud di Somalia.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa terdapat rakyat Malaysia di luar negara yang terlibat dalam kewartawanan rakyat. Contohnya, blogger M.Bakri Musa. Bakri Musa yang merupakan pakar bedah di Silicon Valley, California adalah anak kelahiran Malaysia yang kerap menulis di blognya berkaitan dengan Malaysia, khususnya dari segi perkembangan politik. Selain itu, terdapat juga rakyat Malaysia yang mengamalkan kewartawanan rakyat ketika berada di luar negara dan masih meneruskannya walaupun setelah kembali ke Malaysia, contohnya Susan Loone yang sebelum ini menetap di Bangkok menerusi blognya sloone.wordpress.com.

Signifikannya, kewartawanan rakyat boleh dilaksanakan disebabkan kemunculan media baru seperti telefon bimbit, laman blog, laman sembang dan sebagainya. Telefon bimbit umpamanya, mempunyai potensi untuk

mentransformasikan laporan dan meletakkan kuasa melaporkan di tangan khalayak. Tambahan pula, secara asasnya, tujuan penglibatan khalayak dalam kewartawanan adalah untuk menyumbang maklumat yang bebas, boleh dipercayai, tepat, komprehensif dan relevan seperti yang diperlukan dalam amalan demokrasi (Salawu, 2013).

Buat masa ini, perkongsian atau penjanaan berita daripada SMS telah dilaksanakan oleh akhbar media cetak untuk meningkatkan akses kepada peristiwa-peristiwa menarik yang dihantar oleh pembaca berdasarkan apa yang berlaku di persekitaran mereka. Antara yang paling aktif ialah Harian Metro, dan beberapa akhbar arus perdana seperti Berita Harian⁴. Namun, yang membezakan platform sedia ada di Malaysia dengan bentuk kewartawanan rakyat melalui SMS ialah proses penapisan yang lebih jelas berlaku andainya perkhidmatan ini disediakan oleh akhbar aliran perdana.

Namun, dalam keghairahan meneroka kemudahan baru iaitu kewartawanan rakyat ini, setiap individu perlu terbuka untuk menerima hakikat bahawa bentuk kewartawanan ini belum menjanjikan demokrasi media secara seratus peratus seperti yang diharapkan. Kajian Natalie Fenton (2010) mendapati bahawa pendekatan politik ekonomi media baru tidak semestinya menjanjikan demokrasi yang lebih, terutama apabila mendapati bahawa faktor ekonomi atau ganjaran kewangan yang diperolehi oleh blogger turut boleh menjadi sebab media baru terjerumus ke dalam situasi sama (malah mungkin lebih buruk) dengan media tradisional. Misalnya, kita tidak mahu melihat terlalu banyak demonstrasi jalanan yang berbentuk huru hara serta menggugat keharmonian negara walaupun dilihat kewartawanan rakyat dapat menggerakkan agenda sedemikian di Eritrea.

Hal yang sama dibangkitkan oleh rakan Fenton yang juga mengkaji tentang impak media baru kepada media tradisional. Sungguhpun kehadiran media baru dilihat berupaya meningkatkan kelajuan dan keupayaan menghasilkan berita, dan perubahan landskap pemilikan organisasi berita, tetapi ia juga turut dikaitkan dengan kemerosotan kualiti kewartawanan itu sendiri, dan pengurangan kuantiti penulisan berbentuk penyiasatan. Antara kelemahan lain yang turut dikenalpasti termasuklah campur tangan pengurusan dalam hal ehwal bilik berita, perubahan terhadap praktis dan persepsi terhadap kerja-kerja jurnalistik, dimana kesemuanya ini dilihat mempunyai kesan buruk terhadap profesionalisme yang semestinya mempunyai kesan apabila kita membincangkan soal kewartawanan dan demokrasi (Weaver 2009, Deuze 2009).

Fenton (2010) juga menyatakan barat perlu mula memikirkan keperluan mewujudkan undang-undang tertentu dalam memastikan perkembangan media baru tidak akan menyebabkan lebih banyak keburukan dari kebaikan. Peranan editor yang tidak diperlukan sebagaimana perlunya editor dalam media tradisional, akan membentuk monopoli maklumat oleh blogger yang berkenaan tanpa sebarang sekatan undang-undang. Kini,

siapa yang boleh mengawal apa yang ditulis blogger berkenaan? Jelas di sini, persoalan dalam mengkaji komunikasi menggunakan internet seperti kewartawanan rakyat akan menjadi sangat kompleks kerana sesiapa sahaja boleh menulis dan menerbit, tanpa perlu pengesahan dari mana-mana pihak.

Justeru, menyentuh soal demokrasi yang cuba dicapai di Afrika (dan Malaysia jika diambil dari pengertian dan pemahaman mereka yang terlibat dalam kewartawanan rakyat dalam bentuk menentang kerajaan), mungkin benar apa yang dikatakan oleh Professor Kaarle Nordenstreng (2007) yang optimis menghujahkan bahawa wujud keperluan bagi pendokong falsafah barat untuk mula memikirkan tentang soal kebebasan akhbar dengan limitasi tertentu. Pandangan ini mungkin klise bagi kebanyakan kita, namun apabila diterjemahkan dengan secara lebih luas tetapi berhemah dalam aspek kebebasan bersuara, penulis menyokong pandangan Fenton (2010) agar kita berhati-hati dalam tindakan yang menyokong demokrasi yang diwujudkan oleh kewartawanan rakyat secara membuta tuli tanpa memikirkan ada kesan negatif terhadap perkembangan ini. Ini kerana ada pihak yang boleh menulis apa sahaja tanpa sebarang sekatan demi keuntungan, dan dibaca oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia tanpa banyak persoalan.

Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan kewartawanan rakyat di Afrika yang diaktifkan oleh rakyatnya yang berada dalam diaspora. Beberapa pengalaman di Afrika telah diteliti dengan melihat beberapa contoh di Eritrea, Nigeria dan Somalia. Kesimpulan daripada pemerhatian ini adalah, berlaku beberapa persamaan dan perbezaan dari segi perkembangan kewartawanan rakyat di Afrika dan Malaysia. Antara persamaannya adalah hubungan antara media tradisional dan kerajaan, kredibiliti media arus perdana yang dipersoalkan, golongan penyokong kewartawanan rakyat yang anti kerajaan ditangkap, laporan *SaharaReporters* berbentuk mengkritik kerajaan sebagaimana MalaysiaKini, memperluas kewartawanan rakyat termasuk penggunaan SMS dan demokrasi dengan acuan sendiri dan tidak boleh dipengaruhi demokrasi barat yang berbeza dengan latar belakang politik, ekonomi dan sosial kedua-dua negara. Namun, perlu jelas di sini bahawa penulis tidak menyatakan persamaan ini secara langsung, kerana perbandingan sedemikian tidak akan dapat dilakukan kerana perbezaan latar belakang budaya, politik dan sosial antara Afrika dan Malaysia. Perbandingan ini dibuat hanyalah berlandaskan persamaan dan perbezaan secara umum antara kedua-dua negara ini sahaja.

Perbezaan antara kewartawanan rakyat di Afrika dan Malaysia pula dapat dilihat daripada keupayaan diaspora Afrika mengubah polisi kerajaan. Di Malaysia, hal ini masih kurang jelas berlaku, walaupun melalui media tradisional seperti akhbar⁵. Selain itu, perkembangan kewartawanan rakyat di Malaysia juga lebih menjurus kepada operasi oleh mereka yang berpengalaman

sebagai jurnalis (seperti Steven Gan) atau tidak, namun mereka bukan di kalangan kelompok dalam diaspora (walaupun Steven misalnya pernah berkhidmat sebagai jurnalis di Thailand). Akhir sekali, berkaitan media dan demokrasi, sekali lagi bentuk demokrasi yang diimpikan berbeza antara dua negara ini. Hal ini sedemikian kerana kita berbalik kepada isu perbezaan budaya antara dua negara ini.

Nota Akhir

1. ‘Trent Lott meletak jawatan sebagai Senate Republican Leader pada 20 Disember 2002 dan bertanding semula di bawah parti yang sama dan menang pada 2007.
2. Contoh boleh dilihat di: BBC News, “News Blogger Detained in Nigeria,” di <http://news.bbc.co.uk/2/hi/africa/7686119.stm>; Committee to Protect Journalists, “Second U.S.-based Nigerian Blogger Held,” di <http://cpj.org/2008/10/second-us-based-nigerianblogger-held.php>. Juga lihat: Sahara Reporters, “Federal Court Declares the arrest and detention of US-based Blogger Emmanuel Asiwe Illegal,” di http://www.saharareporters.com/index.php?option=com_content&view=article&id=663%3Afederal-court-declaresthe-arrest-and-detention-of-us-based-blogger-emmanuel-asiwe-illegal&catid=1%3Alatestnews&Itemid=18&showall=1 (contoh dipetik daripada Kperogi 2011)
3. Pengarah Kennedy School of Government mengakui bahawa mereka ada membincangkan soal memorandum ini dengan governor-governor Nigeria tersebut, tetapi masalah ini timbul apabila pengumuman tentangnya dibuat jauh lebih awal daripada yang sepatutnya, di mana masih banyak keputusan yang belum dibuat.
4. Ini adalah berdasarkan kajian penulis (Siti Suriani Othman, 2012) apabila dibandingkan dengan akhbar-akhbar seperti NST, Berita Harian, TheSun, Sinar Harian dan Harakah.
5. Kenyataan ini dibuat berdasarkan temubual yang dibuat Siti Suriani Othman pada 2009 dengan salah seorang editor kewartawanan penyiasatan di akhbar cetak terkenal di Malaysia yang mengakui hasil penyiasatan beliau tidak mengubah apa-apa polisi kerajaan yang disiasat.
6. Temubual bersemuka dengan Pengarang Kumpulan Karangraf, Abdul Jalil Ali, 2009. Beliau membandingkan keadaan penerbitan akhbar hari ini dengan pengharman akhbar Eksklusif pada tahun 2000.

Rujukan

- Ake, C., 1991. “Rethinking African Democracy”. *J. Democracy*, 2 (1): 32-44.
Allan, S., 2009. “Histories of citizen journalism”. In *Citizen Journalism: Global Perspectives*, eds., Allan, S. and Thorsen, E., New York: Peter

Lang.

- Anderson, B., 2006. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London: Verso.
- Atton, C., and Hamilton, J., 2008. *Alternative Journalism*. London: Sage.
- Banda, F. 2010. *Citizen Journalism & Democracy in Africa: An Exploratory Study*. Grahamstown, South Africa: Highway Africa.
- Bernal, V., 2006. "Diaspora, Cyberspace and Political Imagination: The Eritrean Diaspora Online". *Global Networks* 6 (2): 161–179.
- Bradley, M. T., 2011. "African Perceptions of Democracy". *African Journal of Political Science and International Relations*, 5 (11): 456-464.
- Brubaker, R., 2005. "The 'Diaspora' Diaspora". *Ethnic and Racial Studies [online]*, 28 (1), pp. 1-19. Retrieved from http://www.sscnet.ucla.edu/soc/faculty/brubaker/Publications/29_Diaspora_ERS.pdf.
- Buri, S. 2011. "An African Cultural Renaissance Perspective on Constitutionalism: Democracy Peace, Justice and Shared Values: Challenges and Stakes for Statehood and Nation-building". In *African Cultural Renaissance on Constitutionalism and Shared Values - 2010 [online]*. Retrieved from <http://uir.unisa.ac.za/bitstream/handle/10500/5148/African%20Cultural%20Renaissance%20Perspective%20on%20Constitutionalism%20and%20Shared%20Values%20LV.pdf?sequence=1>
- Crouch, H., 1996. *Government and Society in Malaysia*, New South Wales: Allen & Unwin Australia Ptd Ltd.
- Deuze, M., 2009. The People Formerly Known as the Employers. *Journalism*, 10 (3): 315-18.
- Ember, M., Ember, C. R., and Skoggard, I., eds., 2004. *Encyclopedia of Diasporas: Immigrant and Refugee Cultures Around the World*. Vol 1: Overviews and Topics, Vol ii: Diaspora Communities.
- Ezhar, T., Wendy Y.M.T., Fazilah, I., and Azimi, H., 2008. "News Media Socialisation and Ethnic Tolerance among Malaysian Youth". *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*. 16 (1): 65-73.
- Fenton, N., 2010. "NGOs, New Media and the Mainstream News: News from Everywhere". In *New media, old news: journalism and democracy in the digital age*, ed., Fenton, N., London: Sage.
- Flew, T., 2007. "A Citizen Journalism Primer". In *Proceedings Communication Policy Research Forum University of Technology Sydney [online]*, Retrieved from <http://eprints.qut.edu.au>
- George, C., 2006. *Contentious Journalism and the Internet: Towards Democratic Discourse in Malaysia and Singapore*, Singapore: Singapore University Press.
- Giddens, A., 1990. *The Consequences of Modernity*, Cambridge: Polity Press.
- Herbert, J., 2001. *Practising Global Journalism: Exploring Reporting Issues Worldwide*, Oxford: Focal Press.

- Hilley, J., 2001. *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and the New Opposition*, London: Zed Books Ltd.
- Ignatius, D., 2009. "Malaysia Must Include Our Own Diaspora As Well". In *The Star Online*. Retrieved from <http://thestar.com.my/columnists/story.asp?file=/2009/11/12/columnists/diplomaticallyspeaking/5076053&sec=diplomaticallyspeaking>
- Kenyon, A. T. & Marjoribanks, T., 2007. "Transforming Media Markets: The Cases of Malaysia and Singapore. *Australian Journal of Emerging Technology and Society*, 5 (2): 103-118.
- Kperogi, F. A., 2011. "Webs of Resistance: The Citizen Online Journalism of the Nigerian Digital Diaspora". In *Unpublished Doctoral Thesis*, Georgia State University.
- Lent, J. A., 1975. "Government Policies Reshape Malaysia's Diverse Media". *Journalism Quarterly*, 52 (4): 663-669.
- Lewis, S. C., Kahfhold, K., and Lasorsa, D. L., 2010. "Thinking About Citizen Journalism: The Philosophical and Practical Challenges of User-Generated Content for Community Newspapers". *Journalism Practice*, 4 (2): 163-179.
- Lewis, P. M., and Bratton, M., 2000. *Attitudes to Democracy and Markets in Nigeria*. Afrobarometer paper no. 3, Michigan State University Working Papers on Political Reform in Africa.
- Means, G., 1976. *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton.
- Mohamoud., 2009. *The EU, the African Diaspora in Europe, and its Impact on Democracy Building in Africa*. International Institute for Democracy and Electoral Assistance: Stockholm.
- Mohd Azizuddin, M.S., 2009. *The Public Sphere and Media Politics in Malaysia*. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Mustafa, K.A., 2005. "Journalism, National Development and Social Justice in Malaysia". *Asia Pacific Media Educator*, 16: 63-70.
- Nip, J. Y. M., 2006. "Exploring the Second Phase of Public Journalism". *Journalism Studies*, 7 (2): 212-236.
- Nordenstreng, K., 2007. "Myths About Press Freedom". *Brazilian Journalism Research* 3 (1): 15-30.
- Robinson, S., 2009. "If You Had Been With Us: Mainstream Press and Citizen Journalists Jockey for Authority Over the Collective Memory of Hurricane Katrina". *New Media & Society*, 11(5): 795-814.
- Salawu, A. 2013. Access, Local Language and Public Sphere: Phone-in R/TV Programme as a Platform for Citizen Journalism in a Nigerian election. *Telematics and Informatics* 3: 267-274.
- Shome, A. S. K., 2002. *Malay Political Leadership*, London: Routledge.
- Syed Arabi, I. and Latiffah, P., 1988. "Media, Ethnicity and National Unity: A Malaysian Case". In *ISIS-AMIC Conference on Media, Ethnicity and National Unity*, Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International

Studies.

- Ulbricht, M., n.d., *Al Jazeera, Ushahidi Join in Project to Connect Somalia Diaspora via SMS* [online]. Retrieved from <http://www.kenyanvibe.com/al-jazeera-ushahidi-join-in-project-to-connect-somalia-diaspora-via-sms/>
- Umi, K., 2010. "Who are the Diasporas in Malaysia? The Discourse of Ethnicity and Malay(sian) Identity". *Sosiohumanika*, 3(2): 157-174.
- Wang, L.K., 1998. "Ownership as Control". *Development Dialogue 2: The Journal of The Dag Hammarskjöld Foundation*, 61-84.
- Weaver, D. H., 2009. "US Journalism in the 21st century – What Future". *Journalism*, 10 (3): 298-397.
- Zaharom, N., 2004. "Newspaper Concentration Ownership". In *Who Owns the Media?: Global Trends and Local Resistances*, eds., Thomas, P., Zaharom Nain., and Golding, P., Penang (Malaysia): Southbound.
- Zaharom, N., 2002. The Media and Malaysia's Reformation Movement. In *Media fortunes, changing times: ASEAN states in transition*, eds., Heng, R. H. K., and Stiftung, K. A., Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Nota Biografi

Dr Siti Suriani Othman (emel: suriani@usim.edu.my) ialah pensyarah kanan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau ialah dalam bidang kewartawanan dan menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom. Kajian beliau menjurus kepada penyelidikan kewartawanan cetak, dan kini sedang menjalankan beberapa kajian berbentuk fundamental. Kepakaran beliau ialah dalam bidang kewartawanan dan menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom. Antara buku tulisan beliau ialah *Membongkar Rahsia Penulisan Objektif: Pengenalan Semantik Umum di Malaysia*. Selain itu, beliau juga aktif membentang kertas kerja di dalam dan luar negara termasuk di UK, Greece, Taiwan, Jepun dan Thailand, termasuk pembentangan maya di Rusia dan Amerika Syarikat. Kajian beliau menjurus kepada penyelidikan kewartawanan cetak, dan kini sedang menjalankan beberapa kajian berbentuk fundamental, serta ahli dalam pasukan penyelidikan untuk Malaysia bagi Worlds of Journalism Research Project (WJS) yang menjalankan kajian kewartawanan di lebih 80 negara di dunia. Dalam bidang penulisan popular, beliau pernah menjadi kolumnis Berita Harian ketika

Kewartawanan Rakyat dan Peranannya dalam Pemahaman Demokrasi di Malaysia dan Afrika menuntut di UK.

Liana Mat Nayan (emel: liana@utar.edu.my) bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Perhubungan Awam, Universiti Tunku Abdul Rahman. setelah menamatkan pengajian sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidikan beliau banyak memfokuskan kepada bidang perhubungan awam dan kewartawanan. Pada masa yang sama, beliau turut mempunyai minat yang mendalam terhadap isu-isu berkaitan impak media terhadap masyarakat, khususnya remaja .